



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TETAP PEGAWAI FARMASI GRED UF41
DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
TAHUN 2019**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan ini mempelawa **Pegawai Farmasi Gred UF41 lantikan kontrak di KKM** yang memenuhi syarat bagi mengisi kekosongan jawatan tetap seperti berikut:

A. JAWATAN

JAWATAN	GRED	GAJI		ELAUN*
		MINIMUM (RM)	MAKSIMUM (RM)	
Pegawai Farmasi	UF41	RM2,740.00	RM9,656.00	ITKA : RM300 ITP : RM300 BSH : RM200-RM300 BIPK : RM750

B. TAWARAN PENEMPATAN

Calon layak memilih **satu (1)** pilihan penempatan sahaja. Pilihan penempatan adalah **muktamad**. Tawaran penempatan adalah seperti berikut:

JAWATAN/ GRED	NEGERI	FASILITI	KEKOSONGAN
Pegawai Farmasi Gred UF41 (30 kekosongan)	Perak	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	2
		Hospital Taiping	1
		Hospital Teluk Intan	2
		Hospital Slim River	1
	Johor	Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom, Kluang	1
		Hospital Mersing	1
		Hospital Temenggung Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai	1
		Hospital Kota Tinggi	1
		Klinik Kesihatan Sultan Ismail (Daerah Johor Bahru)	1
	Sabah	Klinik Kesihatan Parit Yusuf (Daerah Muar)	1
		Hospital Kinabatangan	1
		Hospital Pitas	1
		Hospital Keningau	1
		Hospital Kudat	1
Hospital Lahad Datu		1	
Hospital Tawau	1		

JAWATAN/ GRED	NEGERI	FASILITI	KEKOSONGAN
		Klinik Kesihatan Nabawan (Daerah Keningau)	1
		Klinik Kesihatan Felda Sahabat (Daerah Lahad Datu)	1
		Klinik Kesihatan Sukau (Daerah Kinabatangan)	1
	Sarawak	Hospital Kapit	1
		Hospital Daro	1
		Hospital Limbang	1
		Hospital Dalat	1
		Hospital Sri Aman	1
		Hospital Mukah	1
		Klinik Kesihatan Belaga (Daerah Belaga)	1
		Klinik Kesihatan Song (Daerah Song)	1
		Klinik Kesihatan Kapit (Daerah Kapit)	1
		JUMLAH	30

C. KOHORT LANTIKAN YANG LAYAK MEMOHON

Kohort lantikan yang layak memohon adalah Pegawai Farmasi lantikan kontrak di KKM daripada sesi atau tarikh lantikan kontrak seperti berikut:

- i. **Bilangan 1 Tahun 2016 (5 Disember 2016);**
- ii. **Bilangan 1 Tahun 2017 (17 April 2017);**
- iii. **Bilangan 2 Tahun 2017 (24 Julai 2017); dan**
- iv. **Bilangan 3 Tahun 2017 (25 September 2017).**

Hanya calon-calon daripada kohort lantikan yang disenaraikan sahaja akan dipertimbangkan bagi urusan ini.

D. SYARAT-SYARAT UMUM

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- iii. Memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia.

E. SYARAT-SYARAT KHUSUS

- i. Calon telah **dilantik secara kontrak (*Contract of Service*)** di KKM dan **tidak ditawarkan lantikan tetap** berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 4 Tahun 2016- Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*) Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi (Warganegara) bagi Menjalani Latihan Siswazah dan/ atau Khidmat Wajib di KKM;
- ii. Calon yang berjaya akan dilantik tetap pada **Gred 41**;
- iii. Tarikh pelantikan tetap akan ditentukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada **tarikh semasa dan tidak akan dikebelakangkan**;
- iv. **Tidak mempunyai masalah kesihatan** untuk dilantik tetap;
- v. Calon telah menamatkan latihan siswazah [*Provisionally Registered Pharmacist (PRP)*] di fasiliti KKM dengan jayanya;
- vi. Calon adalah ahli farmasi berdaftar di bawah Lembaga Farmasi Malaysia (*Annual Retention Certification*); dan
- vii. Hanya **satu (1)** permohonan pilihan penempatan dibenarkan. Pilihan penempatan adalah **muktamad** dan **rayuan** tidak akan dipertimbangkan.

F. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- i. Calon selain daripada kohort lantikan seperti dinyatakan di para (C);
- ii. Calon telah **meletakkan jawatan** sepanjang tempoh kontrak di KKM;
- iii. Calon telah **ditamatkan perkhidmatan** sepanjang tempoh kontrak di KKM; dan
- iv. Calon telah **menolak** tawaran lantikan tetap di KKM.

G. CARA MEMOHON

- i. Calon yang berminat dan memenuhi syarat ditetapkan boleh mengemukakan permohonan secara atas talian melalui pautan berikut: <https://bit.ly/3338aw7> mulai **25 November 2019**;
- ii. Calon hendaklah memberi maklumat yang **lengkap, tepat dan benar** dalam borang permohonan;
- iii. Permohonan yang tidak memenuhi syarat ditetapkan, tidak lengkap, tidak benar dan diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan;
- iv. Hanya calon yang layak dipertimbangkan akan ditawarkan untuk menghadiri temu duga pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Panggilan temu duga akan dikemukakan secara emel; dan
- v. Sebarang pertanyaan, sila emailkan kepada lantiktetapkhas@moh.gov.my

H. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup bagi permohonan adalah pada **8 Disember 2019 jam 5.00 petang**. Sebarang permohonan atau perubahan selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. **Keputusan pelantikan adalah muktamad dan tiada sebarang urusan rayuan akan dipertimbangkan.**

***CATATAN:**

I.T.K.A. - IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM

I.T.P. - IMBUHAN TETAP PERUMAHAN

B.S.H. - BANTUAN SARA HIDUP

B.I.P.K. - BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL